



**BAHAGIAN BEKALAN AIR
KEMENTERIAN TENAGA, TEKNOLOGI HIJAU DAN AIR**

KENYATAAN TENDER

1. Tender adalah dipelawa kepada Kontraktor-kontraktor BUMIPUTERA tempatan yang berdaftar dengan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) / PUKONSA / UPKJ dalam Gred dan Pengkhususan yang berkaitan dan yang masih dibenarkan membuat tawaran buat masa ini seperti berikut:-

NO. TENDER	TAJUK KERJA	GRED DAN PENGKHUSUSAN	HARGA DOKUMEN	SESI TAKLIMAT & LAWATAN TAPAK MANDATORI
BBA(T)10/2017	Penggantian Pam Air Mentah Fasa 1 Dan Kerja-Kerja Berkaitan Di LRA Kg. Lawa Gadong, Beaufort, Sabah	Berdaftar dengan CIDB dan mempunyai SPKK dalam Gred G4 dan <u>kategori</u> ME - Pengkhususan Kategori Mekanikal ME19 - Pemasangan kelengkapan loji PUKONSA : Kelas B Tajuk III, Tajuk kecil 6 UPKJ : Kelas B, Kepala V, Sub Kepala 2	RM100.00 Wang Pos / Wang Kiriman Pos / Bank Deraf Bayaran atas nama Ketua Pengarah, Bahagian Bekalan Air, KeTTHA & Pengarah Jabatan Bekalan Air W.P Labuan, KeTTHA	Tarikh : 25/05/2017 (Khamis) Masa : 10.00 pagi Tempat : Loji Rawatan Air Kg. Lawa Gadong , Beaufort, Sabah KEHADIRAN ADALAH DIWAJIBKAN Kontraktor yang tidak menghadiri taklimat dan lawatan tapak TIDAK LAYAK untuk membeli dokumen tender.

2. Dokuman Meja Tender boleh disemak di **Bahagian Pentadbiran dan Kewangan, Bahagian Bekalan Air, Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau & Air, Aras 1, Blok E4/5, Parcel E, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, Putrajaya** atau **Unit Perolehan Jabatan Bekalan Air, Wilayah Persekutuan Labuan, Tingkat 1, Bangunan JBA, Jalan Jumidar Buyong, Peti Surat 80934, 87019 Wilayah Persekutuan Labuan** pada waktu pejabat bermula **1 Jun 2017 (Khamis)** hingga **15 Jun 2017(Khamis)**.

3. Petender adalah **DIWAJIBKAN** untuk menghadiri sesi taklimat tender dan lawatan tapak yang akan diadakan seperti tarikh, masa dan tempat yang telah ditetapkan. Untuk maksud ini, **hanya penama yang tercatat di dalam sijil CIDB (PKK,SPKK) / PUKONSA / UPKJ yang dibenarkan menghadiri sesi taklimat dan lawatan tapak berkenaan.** Bagi tujuan pengesahan, Sijil Asal dan Salinan hendaklah dibawa semasa sesi taklimat dan lawatan tapak berserta Cop Syarikat.
4. Dokumen Tender boleh dibeli bermula **1 Jun 2017 (Khamis)** sehingga **15 Jun 2017 (Khamis)** pada waktu pejabat di alamat:-

**BAHAGIAN BEKALAN AIR,
KEMENTERIAN TENAGA, TEKNOLOGI HIJAU DAN AIR,
ARAS 1, BLOK E4/5, KOMPLEKS KERAJAAN PARCEL E,
PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN,
62668 PUTRAJAYA.**

ATAU

**JABATAN BEKALAN AIR,
WILAYAH PERSEKUTUAN LABUAN
KEMENTERIAN TENAGA, TEKNOLOGI HIJAU DAN AIR,
JALAN JUMIDAR BUYONG, 87019 WILAYAH PERSEKUTUAN LABUAN.**

5. Dokumen Tender hanya dijual kepada wakil-wakil kontraktor yang sah sahaja. Untuk maksud ini, wakil-wakil kontraktor hendaklah membawa slip kehadiran lawatan tapak, perakuan / sijil ASAL Perakuan Pendaftaran Kontraktor dan Sijil Perolehan Kerja Kerajaan yang dikeluarkan oleh Lembaga Pembangunan Industri Malaysia (CIDB) serta Sijil Taraf Bumiputera yang dikeluarkan oleh PKK, PUKONSA atau UPKJ dan Sijil Taraf Bumiputera (jika berkenaan) yang masih sah dan masih berkuatkuasa berserta satu salinan sijil-sijil tersebut dan cop syarikat. Kegagalan berbuat demikian akan menyebabkan kontraktor **TIDAK LAYAK** untuk membeli dokumen tender bagi projek ini.
6. Dokumen Tender yang berharga **RM100.00 (Ringgit Malaysia : Seratus Sahaja)** hendaklah dibuat pembayarannya dalam bentuk Wang Pos/Wang Kiriman Pos/ Bank Deraf dari institusi Bank yang diiktiraf Malaysia atas nama **Ketua Pengarah Bahagian Bekalan Air, Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air** atau **Pengarah Jabatan Bekalan Air W.P Labuan, KeTTHA.**
7. Dokumen Tender yang telah lengkap diisi hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat yang berlakri dengan mencatatkan Tajuk dan No. Tender pada sebelah atas kiri sampul dan dimasukkan ke dalam Peti Tender sebelum atau pada **22 Jun 2017 (Khamis), jam 12.00 tengahari** di alamat :-

**BAHAGIAN PENTADBIRAN & KEWANGAN,
BAHAGIAN BEKALAN AIR,
KEMENTERIAN TENAGA, TEKNOLOGI HIJAU DAN AIR,
ARAS 1, BLOK E4/5, KOMPLEKS KERAJAAN PARCEL E,
PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN,
62668 PUTRAJAYA.**

8. Dokumen Tender yang lewat diterima dari tarikh dan masa yang ditetapkan **TIDAK AKAN DIPERTIMBANGKAN.**

***Untuk sebarang maklumat lanjut sila hubungi talian 03-8883 6386 / 6385 / 6000**